

CNS6239

R GB 21-05 00215 RH690

bah

Mahathir - Kem

KUCHING, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembangunan rohani dan jasmani khususnya di kalangan generasi muda, merupakan matlamat utama kerajaan selain mencapai pembangunan fizikal.

+Ini penting untuk membentuk rakyat Malaysia yang tahan lasak, cergas, berdisiplin dan mempunyai peribadi serba lengkap yang berupaya menghadapi cabaran di masa akan datang,+ kata Perdana Menteri dalam perutusannya pada buku cenderamata sempena perasmian Kem Permai di Pantai Damai dekat sini esok.

Kem hina semangat itu, yang dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan dibuka untuk kegunaan awam tahun lepas, menawarkan antara lainnya, kemudahan tempat tinggal berharga sederhana dan menawarkan kegiatan seperti mendaki bukit dan sukan air.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata konsep Kem Permai yang membolehkan seseorang individu mengenali diri sendiri serta menggalakkan anggota keluarga dan kumpulan berinteraksi sepatutnya dicontohi oleh pihak lain.

Dalam perutusannya pula, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, berkata bahawa kerajaan ingin memastikan rakyat tempatan berpeluang menikmati cabaran dan pengembaraan yang terdapat di negeri ini dalam usahanya untuk menjadikan Sarawak negeri pengembaraan bagi pelancong.

Sehubungan itu, kerajaan negeri telah menyediakan sebuah tempat, iaitu Kem Permai untuk rakyat beriadah dan mengembara serta menyemaikan minat terhadap alam sekitar dan alam semula jadi.-- -- Bernama

♥21/05/15-21MST